

# Strategi Penerapan Paradigma Tauhid dalam Pengajaran Amali bagi Program TVET di UTHM

Nor Ezzah Fathenah Md Yatim<sup>1</sup>, Nurfirdawati Muhamad Hanafi<sup>1\*</sup>,

<sup>1</sup> Jabatan Ikhtisas Pendidikan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

\*Pengarang Utama: [nurfirda@uthm.edu.my](mailto:nurfirda@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.02.022>

## Maklumat Artikel

Diserah: 21 July 2023

Diterima: 18 Disember 2025

Diterbitkan: 30 Disember 2025

## Kata Kunci

Paradigma Tauhid, Elemen  
Paradigma Tauhid, Penerapan  
Paradigma Tauhid pengajaran Amali

## Abstrak

Paradigma tauhid merupakan satu keperluan dalam pengajaran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selaras dengan misi universiti untuk menyediakan penyelesaian teknikal bagi keperluan industri dan komuniti berasaskan paradigma tauhid. Sehubungan itu, satu kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti strategi penerapan paradigma tauhid dalam pengajaran amali. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti strategi penerapan paradigma tauhid yang digunakan dalam pengajaran amali yang bersesuaian dengan pembangunan hard skills dan soft skills semasa pelaksanaan amali. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan instrumen soal selidik bagi memperoleh data kajian. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 27 untuk mendapatkan nilai skor min dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen yang mencatatkan nilai tertinggi bagi strategi penerapan paradigma tauhid untuk pengajaran amali ialah elemen integriti bagi *hard skills*, manakala elemen hubungan dengan Tuhan bagi *soft skills*. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua elemen penerapan paradigma tauhid adalah sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran amali. Justeru, kerjasama yang kukuh antara semua pensyarah dan pihak pengurusan UTHM amat penting bagi memastikan kejayaan penerapan paradigma tauhid selaras dengan visi dan misi universiti untuk membentuk individu yang holistik.

## Keywords

*Tawhid paradigm, Tawhid paradigm's  
elemen, Tawhid paradigm used in  
practical teaching*

## Abstract

*The Tawhid paradigm has become an essential foundation in teaching at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), aligning with the university's mission to deliver technical solutions for industrial and community needs grounded in Tawhid-based values. This study aims to examine the strategies used to integrate the Tawhid paradigm into practical teaching, particularly in supporting the development of hard skills and soft skills during practical sessions. A quantitative research design was employed, using a structured questionnaire as the data collection instrument. Descriptive statistical analysis was conducted using SPSS version 27 to determine mean scores and percentages. The results indicate that integrity is the most dominant element in the integration of the Tawhid paradigm for hard skills development, while the relationship with God emerges as the highest-rated element for soft skills development*

*in practical teaching. Overall, the findings suggest that all elements of Tawhid paradigm integration examined in this study are appropriate and feasible for implementation in practical teaching. Strong collaboration between lecturers and the university management is therefore crucial to ensure the effective institutionalisation of the Tawhid paradigm in line with UTHM's vision and mission of producing holistic graduates.*

## 1. Pendahuluan

Penyelidikan tentang strategi pengajaran bukanlah sesuatu yang asing di kalangan ahli akademik. Sebenarnya ada pelbagai penyelidikan yang dijalankan bagi memperkenalkan konsep tersebut. Ia dilihat sebagai alat yang berjaya untuk disampaikan pemahaman kepada penyelidik, guru dan pelajar untuk memahami konsep yang lebih baik. Strategi pengajaran yang dipilih oleh guru akan memberikan impak kepada pelajar dalam mengikuti pengajian (Hamzah, 2021). Beberapa strategi pengajaran secara umumnya diperluaskan dalam pengajaran di setiap peringkat pendidikan namun kurang dalam pengajaran amali. Oleh itu kajian dilaksanakan untuk mengkaji strategi penerapan paradigma tauhid dalam dalam pengajaran amali bagi program TVET di UTHM. Penyelidik akan mengkaji dengan terperinci strategi para pengajar dalam mengaplikasikan paradigma tauhid dalam proses pengajaran di dalam kelas.

UTHM telah memperkenalkan 35 dimensi paradigma tauhid yang perlu diterapkan kepada pelajar sepanjang mereka mengikuti pengajian di Universiti Tun Hussein Onn. Antara dimensi paradigma tauhid tersebut adalah niat, hubungan dengan tuhan, ikhlas, integriti, sabar, tawaduk, bijaksana, pembelajaran sepanjang hayat, penyelidikan dan inovasi, professional, penguasaan ilmu, toleransi, memelihara hubungan, berfikir positif, budaya kerja, kesukarelawan, keprihatinan, bersederhana, menjaga batas pergaulan, kemaafan dan keampunan, kawalan sifat mazmumah, pengawalan stress, bertanggungjawab, kecekapan pengurusan sumber, belanja berhemah, bijaksana dalam membuat keputusan, megaplikasi pengurusan bakat, menjana keseronokan bekerja, membudayakan inovasi, pengaruh teladan (role-model), adil dan saksama, cemerlang urusan tadbir, memberi sumbangan kepada organisasi dan pelanggan, patuh kepada organisasi dan pelanggan, patuh kepada perintah dan meralisasikan aku janji. Menerusi elemen yang telah dipersetujui oleh pakar yang terlibat dalam pemilihan elemen paradigma tauhid di UTHM, elemen budaya kerja telah dipadankan sebagai rujukan para pensyarah di UTHM dalam melaksanakan kemahiran praktikal seperti yang telah disampaikan oleh Institusi Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) dalam Jerayawara Paradigma Tauhid. Kecenderungan untuk meneliti dan membincangkan isu tersebut sebahagian besarnya disebabkan keunikannya yang bersifat holistik. Kajian lepas memberikan bukti sifat holistik dan stabil paradigma tauhid yang telah dijalankan oleh ISWAJ iaitu penyelidik dari UTHM (Khalid et al., 2021).

Konsep ini kemudiannya dilaksanakan dalam pelbagai bidang teori dan praktikal yang menunjukkan bukti tentang fleksibilitinya untuk digandingkan dengan mana-mana bidang pengajian. Namun begitu, belum ada kajian yang bertujuan mengukur dan menilai kesesuaian pelaksanaan paradigma tauhid di peringkat institusi terutamanya dalam pengajaran amali. Oleh itu, penyelidikan ini mempunyai tujuan untuk melihat strategi penerapan paradigma tauhid dalam pengajaran amali bagi program TVET di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia sebagai alat pengukur untuk menentukan sejauh mana keberkesanannya sebagai konsep.

## 2. Struktur

Elemen paradigma tauhid ini diambil daripada Institusi Ahli Sunnah Wal Jammah atau dikenali sebagai ISWAJ UTHM. Elemen paradigma tauhid UTHM merupakan kerangka yang mengandungi himpunan nilai yang dipilih berdasarkan kepada kepercayaan dan peraturan Allah SWT sebagai panduan kepada semua warga UTHM dalam melaksanakan tugas bagi memenuhi tuntutan ibadah dan khalifah. Ia akan membawa kepada penghayatan bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan bertujuan untuk membawa kebaikan kepada manusia dengan matlamat mendapatkan keredhaan Allah SWT, bukan meraih sanjungan manusia atau keuntungan material. Elemen tauhid yang ingin diterapkan berteraskan iman, ilmu dan amal.

Bilangan elemen paradigma tauhid yang telah dipersetujui dan disahkan oleh beberapa pakar-pakar rujukan dalam pembinaan indeks paradigma tauhid ialah 37 elemen. Pemilihan indeks paradigma tauhid ini adalah bersesuaian dengan kajian penerapan elemen paradigma tauhid kearah pembentukan nilai pelajar, staf dan sistem di UTHM yang dijalankan oleh penyelidik ISWAJ. Dalam semua elemen yang telah bangunan, pihak ISWAJ telah memilih hanya 24 elemen sahaja yang sesuai digunakan oleh pensyarah di UTHM dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadual 1 adalah 24 elemen yang terpilih dalam penerapan elemen tauhid;

**Jadual 1 Elemen Paradigma Tauhid**

| Elemen                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Niat</li> <li>• Hubungan baik</li> <li>• Ikhlas</li> <li>• Integriti (Amanah&amp; adil)</li> <li>• Sabar</li> <li>• Tawadhuik</li> <li>• Bijaksana</li> <li>• Pembelajaran sepanjang hayat</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penguasaan Ilmu Professional (itqon)</li> <li>• Penyelidikan dan inovasi</li> <li>• Toleransi</li> <li>• Memelihara hubungan</li> <li>• Berfikiran positif</li> <li>• Budaya kerja</li> <li>• Kesukarelawan</li> <li>• Kasih sayang/ keperihatinan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersederhana</li> <li>• Menjaga batas pergaulan</li> <li>• Mengawal sifat mazmumah</li> <li>• Kawalan stress</li> <li>• Kemaafan dan keampunan</li> <li>• Bertanggungjawab</li> <li>• Kecekapan pengurusan sumber</li> </ul> |

Melalui kesemua elemen yang telah dipilih ini hanya 24 elemen tertera sahaja yang bersesuaian dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di UTHM. Elemen ini sebenarnya sudah lama diterapkan sebagai nilai murni namun pihak ISWAJ ingin menerapkan 24 elemen yang sesuai ini sebagai panduan meletakkan Allah SWT sebagai keutamaan dalam apa juga keadaan dan tujuan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

## 2.1 Paradigma Tauhid dalam Kehidupan

Penerapan nilai-nilai murni banyak diperlihatkan dalam sistem pendidikan. Perkara ini boleh dilihat dalam rancangan pengajaran harian yang dirancang sebelum diterapkan di dalam kelas. Nilai-nilai murni ini boleh dilihat dan dikenalpasti dengan mudah oleh individu. Konsep tauhid dijadikan teras kepada proses menerapkan nilai-nilai murni (Tamuri & Hussin, 2017). Perbincangan mengenai aspek tauhid merupakan antara unsur penting yang perlu diterapkan supaya perbincangannya tidak terpisah dari unsur kerohanian yang menekankan kepada nilai-nilai murni (Zuhdi Ismail et al., 2022). Namun begitu, pendidikan yang berkaitan paradigma tauhid agak sukar dijumpai dan diaplikasi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, penerapan kaedah paradigma tauhid masih sukar untuk diterapkan oleh pendidik atas sebab kekurangan ilmu pengetahuan dan kesukaran dalam mencari kaedah yang sesuai dalam mengaplikasikannya.

Terdapat kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik di luar negara dalam mengaplikasikan tauhid dalam pendidikan seperti yang dilakukan di Indonesia. Penyelidik menggunakan kaedah teladan dalam meningkatkan kesabaran sosial pelajar dengan penelitian dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian pembelajaran (Hidayah, 2021). Dan kaedah ini dikatakan berhasil dalam membentuk dan menanamkan sifat kesabaran kerana Allah yang ditampilkan dalam diri pelajar secara langsung dan tidak langsung semasa bermasyarakat. Penerapan budaya tauhid yang telah dilaksanakan di Jawa Tengah Indonesia membuktikan kesan positif dalam organisasi pendidikan seperti penerokaan pengetahuan dan eksploitasi ilmu dalam meningkatkan daya saing yang mampan (Budiyono, 2021). Jelas disini, pembudayaan tauhid dalam pendidikan dan organisasi mampu untuk mengubah ke arah kebaikan.

Mempraktikan elemen-elemen penghayatan akidah seperti elemen kefahaman, perasaan dan amalan mempunyai faktor pelindung, kepercayaan, pengharapan, pengawasan, konsep balasan, ketaatan, pengawasan, keredaan, kesyukuran, penghargaan, kecintaan, kecekalan, kepatuhan pengurusan diri dan ketekunan untuk diterapkan dalam kehidupan juga akan membantu dalam meningkatkan daya tahan individu dari terjebak dari pada aktiviti yang tidak bermoral (Wazir et al., 2020). Perkara ini turut disokong dengan penerapan akidah dalam kurikulum Pendidikan Islam di Kementerian Agama Kota Serang. Pengembangan nilai kurikulum yang holistik berorientasikan pengembangan rohani dimana proses dan praktikal dalam pembelajaran merefleksikan nilai-nilai keimanan dan tauhid serta memberi kesedaran kepada setiap pelajar akan keunikan dirinya berdasarkan potensi masing-masing yang tidak mementingkan akademik semata-mata (Sahaludin & Kurniawan, 2020), didapati pelajar berusaha bersama-sama dan saling membantu mencari keunikan masing-masing.

Pendidik perlu berhati-hati dalam mempraktikkan fahaman akidah agar tidak terpesong dari akidah yang sebenar. Faktor fahaman-fahaman luar dari Barat boleh menyesatkan dan memecahbelahkan perpaduan mengikut aliran Sunni dan Syiah. Di Malaysia telah mengamalkan akidah *Ahlus Sunnah Wal Jamaah* mengikut mazhab *Asyairah*. Pendidikan formal di Malaysia iaitu diperingkat rendah, peringkat menengah dan pengajian tinggi kesemuanya mengikut akidah *Ahlus Sunnah Wal Jamaah* (Jalalluddin & Razak, 2019). Penerapan akidah

yang terbaik dari pengajar akan melahirkan insan yang dikategorikan sebagai Ulul Albab yang mempunyai kriteria cemerlang dalam aspek pengetahuan, sikap dan amalan (Tamuri, 2021). Oleh itu, dalam memastikan kestabilan dan kekukuhan pendidikan dan pencapaian cemerlang dalam membangunkan generasi muda, proses melaksanakan pendidikan akan dipengaruhi oleh keluasan dan kedalaman penguasaan ilmu seseorang individu yang bersangkutan dengan aspek keimanan seseorang. Aspek penghayatan dan amalan akhlak mulia dijadikan sebagai kayu ukur kepada keunggulan sesebuah negara dan masyarakat.

### 3. Metodologi

Sampel atau responden yang terlibat dalam kajian yang dijalankan ini adalah 88 orang pensyarah atau tenaga pengajar FPTV. Bilangan responden ini melibatkan semua sampel kajian. Jumlah pensampelan ini diambil daripada portal rasmi 'UTHM Community' bagi Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional yang memaparkan seluruh jumlah staff di FPTV. Penyelidikan ini melibatkan semua pensyarah daripada semua jabatan yang mengajar di bengkel dan makmal. Jabatan yang terlibat ialah Jabatan Ikhtisas Pendidikan dan Siswazah, Jabatan Kemahiran dan Profesional, Jabatan Latihan Mengajar dan Latihan Industri, Jabatan Pendidikan Vokasional dan Jabatan Pengajian Teknologi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk tinjauan bagi mengenal pasti strategi penerapan paradigma tauhid dalam pengajaran amali. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia sesuai untuk memperoleh data secara sistematik serta membolehkan analisis deskriptif dijalankan bagi mengenal pasti kecenderungan dan corak respons responden.

Populasi kajian terdiri daripada semua pensyarah dan tenaga pengajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang terlibat secara langsung dalam pengajaran amali di bengkel dan makmal. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada portal rasmi UTHM Community, jumlah keseluruhan populasi pensyarah FPTV adalah seramai 88 orang. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan kaedah persampelan menyeluruh (census sampling), di mana keseluruhan populasi dijadikan sampel kajian bagi memastikan dapatan yang lebih menyeluruh dan representatif.

#### 3.1 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di kampus induk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia iaitu di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Kajian ini memilih pensyarah TVET daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) bagi memberikan respon terhadap kajian yang dijalankan.

#### 3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dalam memperoleh data yang dikehendaki dan soalan tersebut diberikan melalui aplikasi *Google Form* dan edaran. Oleh itu, semua data dan maklumat adalah berdasarkan maklum balas daripada responden melalui soalan soal selidik. Ketepatan dapatan kajian yang diterima adalah bergantung kepada kefahaman, kerjasama serta sikap jujur responden untuk menjawab item-item yang terkandung dalam soal selidik. Instrumen ini telah diambil dan diubah suai daripada instrumen Ibrahim & Faziran Mohd (2021), instrument Ahmad Samad & Che Ishak (2022) dan Abdul Aziz et al., (2016) mengikut kesesuaian objektif kajian ini.

#### 3.3 Borang Soal Selidik

Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji dan diedarkan untuk dijawab oleh pensyarah FPTV. Borang soal selidik terbahagi kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D dan bahagian soalan terbuka. Jadual 2 menunjukkan bilangan item bagi setiap bahagian yang terdapat dalam borang soal selidik yang digunakan.

**Jadual 2** Bilangan Item dalam Setiap Bahagian

| Bahagian | Keterangan Bahagian | Bilangan Item |
|----------|---------------------|---------------|
| A        | Demografi responden | 8             |

|                                |                                                     |           |
|--------------------------------|-----------------------------------------------------|-----------|
| <b>B</b>                       | Penerapan paradigma tauhid sebelum pengajaran amali | 23        |
| <b>C</b>                       | Penerapan paradigma tauhid semasa pengajaran amali  | 28        |
| <b>D</b>                       | Penerapan paradigma tauhid selepas pengajaran amali | 14        |
| <b>Soalan Terbuka</b>          | Pandangan dan cadangan                              | 3         |
| <b>Jumlah keseluruhan Item</b> |                                                     | <b>76</b> |

#### 4. Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian yang dianalisis ini dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu membincangkan kesesuaian penerapan paradigma tauhid dalam pengajaran amali yang diperolehi daripada skala skor min dan sisihan piawai.

##### 4.1 Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Sebelum Pengajaran Amali

Jadual 3 adalah menunjukkan dapatan penerapan paradigma tauhid sebelum pengajaran bagi kemahiran teknikal manakala Jadual 4 menunjukkan dapatan penerapan paradigma tauhid sebelum pengajaran bagi kemahiran generik.

**Jadual 3** Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Sebelum Pengajaran Amali bagi Kemahiran Teknikal

| Item                  | Elemen Paradigma Tauhid     | %    | Skor Min | Sisipan Piawai | Item | Elemen Paradigma Tauhid     | %    | Skor Min | Sisipan Piawai |
|-----------------------|-----------------------------|------|----------|----------------|------|-----------------------------|------|----------|----------------|
| 1                     | Pengurusan stres            | 100  | 4.60     | 0.49           | 6    | Penguasaan Ilmu             | 96.9 | 4.64     | 0.54           |
| 2                     | Budaya Kerja                | 96.6 | 4.72     | 0.52           | 7    | Keperihatinan               | 90.8 | 4.50     | 0.71           |
| 3                     | Budaya Kerja                | 95.4 | 4.55     | 0.59           | 8    | Bertanggungjawab            | 93.9 | 4.60     | 0.61           |
| 4                     | Niat                        | 89.2 | 4.33     | 0.68           | 9    | Kecekapan Pengurusan Sumber | 98.5 | 4.61     | 0.52           |
| 5                     | Kecekapan Pengurusan Sumber | 100  | 4.69     | 0.47           | 10   | Kecekapan Pengurusan Sumber | 89.2 | 4.47     | 0.73           |
| Nilai Min Keseluruhan |                             |      |          |                |      |                             |      | 4.57     |                |

**Jadual 4** Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Sebelum Pengajaran Amali bagi Kemahiran Generik

| Item                  | Elemen Paradigma Tauhid     | %    | Skor Min | Sisipan Piawai | Item | Elemen Paradigma Tauhid | %    | Skor Min | Sisipan Piawai |
|-----------------------|-----------------------------|------|----------|----------------|------|-------------------------|------|----------|----------------|
| 11                    | Integriti                   | 100  | 4.68     | 0.47           | 18   | Profesional             | 96.9 | 4.71     | 0.52           |
| 12                    | Integriti                   | 93.8 | 4.55     | 0.61           | 19   | Bijaksana               | 91.1 | 4.55     | 0.66           |
| 13                    | Hubungan Dengan Tuhan       | 97.0 | 4.68     | 0.53           | 20   | Bijaksana               | 96.9 | 4.65     | 0.54           |
| 14                    | Hubungan Dengan Tuhan       | 95.3 | 4.49     | 0.59           | 21   | Penguasaan Ilmu         | 100  | 4.78     | 0.41           |
| 15                    | Sabar                       | 100  | 4.77     | 0.42           | 22   | Keperihatinan           | 92.3 | 4.69     | 0.61           |
| 16                    | Kecekapan Pengurusan Sumber | 92.3 | 4.55     | 0.64           | 23   | Memelihara Hubungan     | 98.5 | 4.68     | 0.64           |
| 17                    | Budaya Kerja                | 100  | 4.74     | 0.44           |      |                         |      |          |                |
| Nilai Min Keseluruhan |                             |      |          |                |      |                         |      | 4.65     |                |

##### 4.2 Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Semasa Pengajaran Amali

Jadual 5 adalah menunjukkan dapatan penerapan paradigma tauhid semasa pengajaran bagi kemahiran teknikal manakala Jadual 6 menunjukkan dapatan penerapan paradigma tauhid semasa pengajaran bagi kemahiran generik.

**Jadual 5** Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Semasa Pengajaran Amali bagi Kemahiran Teknikal

| Item                  | Elemen Paradigma Tauhid     | %    | Skor Min | Sisipan Piawai | Item | Elemen Paradigma Tauhid      | %    | Skor Min | Sisipan Piawai |
|-----------------------|-----------------------------|------|----------|----------------|------|------------------------------|------|----------|----------------|
| 24                    | Kawalan Sifat mazmumah      | 100  | 4.71     | 0.46           | 30   | Pembelajaran sepanjang hayat | 100  | 4.86     | 0.35           |
| 25                    | Kesukarelawan               | 98.5 | 4.68     | 0.56           | 31   | Integriti                    | 100  | 4.82     | 0.39           |
| 26                    | Kecekapan Pengurusan Sumber | 98.4 | 4.72     | 0.63           | 32   | Budaya Kerja                 | 98.4 | 4.82     | 0.50           |
| 27                    | Profesional                 | 100  | 4.83     | 0.38           | 33   | Bertanggungjawab             | 100  | 4.80     | 0.40           |
| 28                    | Kecekapan Pengurusan Sumber | 100  | 4.80     | 0.40           | 34   | Kecekapan Pengurusan Sumber  | 98.4 | 4.80     | 0.44           |
| 29                    | Bertanggungjawab            | 98.5 | 4.82     | 0.43           | 35   | Penguasaan Ilmu              | 100  | 4.86     | 0.35           |
| Nilai Min Keseluruhan |                             |      |          |                |      |                              | 4.79 |          |                |

**Jadual 6** Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Semasa Pengajaran Amali bagi Kemahiran Generik

| Item                  | Elemen Paradigma Tauhid      | %    | Skor Min | Sisipan Piawai | Item | Elemen Paradigma Tauhid  | %    | Skor Min | Sisipan Piawai |
|-----------------------|------------------------------|------|----------|----------------|------|--------------------------|------|----------|----------------|
| 36                    | Pengawalan Stres             | 93.9 | 4.60     | 0.61           | 44   | Toleransi                | 100  | 4.80     | 0.40           |
| 37                    | Integriti                    | 98.4 | 4.80     | 0.44           | 45   | Penyelidikan dan Inovasi | 100  | 4.89     | 0.31           |
| 38                    | Toleransi                    | 100  | 4.82     | 0.39           | 46   | Memelihara hubungan      | 100  | 4.82     | 0.39           |
| 39                    | Memelihara Hubungan          | 100  | 4.77     | 0.42           | 47   | Tawaduk                  | 100  | 4.86     | 0.35           |
| 40                    | Profesional                  | 100  | 4.88     | 0.33           | 48   | Integriti                | 100  | 4.83     | 0.38           |
| 41                    | Bijaksana                    | 100  | 4.85     | 0.361          | 49   | Berfikiran positif       | 100  | 4.91     | 0.29           |
| 42                    | Memelihara Hubungan          | 98.4 | 4.80     | 0.44           | 50   | Budaya Kerja             | 98.4 | 4.88     | 0.38           |
| 43                    | Pembelajaran Sepanjang hayat | 100  | 4.88     | 0.33           |      |                          |      |          |                |
| Nilai Min Keseluruhan |                              |      |          |                |      |                          | 4.81 |          |                |

#### 4.3 Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Selepas Pengajaran Amali

Jadual 7 adalah menunjukkan dapatan penerapan paradigma tauhid selepas pengajaran bagi kemahiran teknikal manakala Jadual 8 menunjukkan dapatan penerapan paradigma tauhid selepas pengajaran bagi kemahiran generik.

**Jadual 7** Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Selepas Pengajaran Amali bagi Kemahiran Teknikal

| Item                  | Elemen Paradigma Tauhid | %   | Skor Min | Sisipan Piawai | Item | Elemen Paradigma Tauhid | %    | Skor Min | Sisipan Piawai |
|-----------------------|-------------------------|-----|----------|----------------|------|-------------------------|------|----------|----------------|
| 51                    | Bertanggungjawab        | 100 | 4.83     | 0.38           | 55   | Kesukarelawan           | 100  | 4.88     | 0.33           |
| 52                    | Kecekapan               |     |          |                |      | Pembelajaran            |      |          |                |
| 52                    | Pengurusan Sumber       | 100 | 4.88     | 0.33           | 56   | Sepanjang Hayat         | 98.5 | 4.89     | 0.36           |
| 53                    | Budaya Kerja            | 100 | 4.85     | 0.36           | 57   | Penguasaan Ilmu         | 98.5 | 4.82     | 0.43           |
| 54                    | Integriti               | 100 | 4.91     | 0.29           |      |                         |      |          |                |
| Nilai Min Keseluruhan |                         |     |          |                |      |                         | 4.87 |          |                |

**Jadual 8 Analisis Penerapan Paradigma Tauhid Selepas Pengajaran Amali bagi Kemahiran Generik**

| Item                  | Elemen Paradigma Tauhid | %    | Skor Min | Sisipan Piawai | Item | Elemen Paradigma Tauhid | %    | Skor Min | Sisipan Piawai |
|-----------------------|-------------------------|------|----------|----------------|------|-------------------------|------|----------|----------------|
| 58                    | Bertanggungjawab        | 98.5 | 4.80     | 0.44           | 62   | Berfikiran Positif      | 100  | 4.82     | 0.39           |
| 59                    | Menjaga Batas Pergaulan | 98.5 | 4.82     | 0.43           | 63   | Berfikiran Positif      | 100  | 4.83     | 0.38           |
| 60                    | Memelihara Hubungan     | 100  | 4.85     | 0.36           | 64   | Hubungan dengna Tuhan   | 100  | 4.89     | 0.36           |
| 61                    | Keperihatinan           | 100  | 4.83     | 0.38           |      |                         |      |          |                |
| Nilai Min Keseluruhan |                         |      |          |                |      |                         | 4.83 |          |                |

## 5. Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan kajian ini memperincikan tahap penerapan paradigma tauhid dalam tiga fasa pengajaran amali—sebelum, semasa dan selepas pengajaran—bagi dua domain kompetensi utama iaitu kemahiran teknikal dan kemahiran generik. Secara keseluruhan, ketiga-tiga analisis menunjukkan skor min yang tinggi, namun perbezaan pola nilai mengisyaratkan proses internalisasi nilai tauhid berlaku secara progresif dan semakin mantap apabila pengajaran amali berlangsung. Fenomena ini menuntut analisis kritikal terhadap fungsi nilai tauhid bukan hanya sebagai komponen moral, tetapi sebagai pemboleh ubah pedagogi yang memberi kesan langsung kepada tingkah laku, pemikiran dan etika kerja pelajar dalam konteks TVET.

### 5.1 Penerapan Paradigma Tauhid Sebelum Pengajaran Amali

Analisis Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan bahawa tahap penerapan paradigma tauhid sebelum pengajaran amali dalam kategori kemahiran teknikal (Min = 4.57) dan kemahiran generik (Min = 4.65) berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menandakan bahawa pengajaran amali dimulakan dengan asas spiritual, psikologi dan profesional yang kukuh, selaras dengan keperluan pendidikan teknikal yang melibatkan aktiviti berisiko serta pengendalian peralatan yang memerlukan tumpuan dan disiplin tinggi.

Elemen *pengurusan stres* dan *kecekapan pengurusan sumber* yang memperoleh nilai peratusan tertinggi (100%) menjelaskan bahawa sebelum amali bermula, pensyarah memberi perhatian kepada persediaan mental, penggunaan peralatan serta pemahaman prosedur keselamatan. Ini selari dengan pandangan bahawa permulaan pengajaran perlu membina kesedaran sendiri pelajar agar dapat mengawal emosi, mengelakkan tekanan dan membina keyakinan dalam melaksanakan tanggungjawab (Nursekha, 2020).

Dalam aspek kemahiran generik pula, skor tertinggi pada elemen *integriti*, *sabar* dan *hubungan dengan Tuhan* menunjukkan bahawa paradigma tauhid membentuk niat dan adab pelajar sebelum melakukan sebarang tindakan. Dilley dan Kleiner (1996) menegaskan bahawa kecuaian individu menyumbang sehingga 98% kemalangan di tempat kerja, bukan kekurangan prosedur keselamatan. Oleh itu, penghayatan nilai tauhid sebelum aktiviti amali bukan hanya menambah elemen spiritual, tetapi menjadi mekanisme pencegahan risiko yang autentik, menegaskan fungsi tauhid sebagai pengawal tingkah laku insan (Permatasari et al., 2017).

## 5.2 Penerapan Paradigma Tauhid Semasa Pengajaran Amali

Fasa kedua menunjukkan lonjakan yang ketara, iaitu nilai min keseluruhan 4.79 bagi kemahiran teknikal dan 4.81 bagi kemahiran generik (Jadual 5 dan 6). Peningkatan ini mencerminkan bahawa proses internalisasi nilai berlaku secara aktif apabila pelajar terlibat langsung dalam pengendalian peralatan dan penyelesaian tugas. Pada tahap ini, paradigma tauhid bukan sekadar disampaikan tetapi diamalkan.

Skor tinggi pada elemen *integriti, profesional, kecekapan pengurusan sumber* dan *penguasaan ilmu* membuktikan bahawa pelajar bukan hanya mengikuti arahan prosedural, tetapi memahami nilai amanah dan adab dalam setiap tindakan. Hal ini memenuhi pandangan Al-Attas (2001) bahawa ilmu tanpa adab menghasilkan kerosakan, manakala ilmu yang berpaksikan tauhid memandu manusia kepada tindakan yang terarah dan bermatlamat.

Selain itu, dapatan bahawa elemen *pembelajaran sepanjang hayat* dan *berfikiran positif* mendapat skor min hampir maksimum menunjukkan bahawa paradigma tauhid menanamkan sikap reflektif dan kesungguhan untuk memperbaiki kefahaman, bukan sekadar mencapai hasil kerja. Ini sepadan dengan pandangan Multazam dan Djatmiko (2021) bahawa pembelajaran amali yang menekankan interaksi sosial, kerjasama dan kesedaran diri dapat meningkatkan pemahaman terhadap tujuan pembelajaran secara holistik.

## 5.3 Penerapan Paradigma Tauhid Selepas Pengajaran Amali

Fasa ketiga mencatatkan skor min tertinggi dalam keseluruhan analisis iaitu 4.87 bagi kemahiran teknikal dan 4.83 bagi kemahiran generik (Jadual 7 dan 8). Penemuan ini mengukuhkan dapatan bahawa unsur refleksi pasca pengajaran adalah kritikal dalam pembentukan akhlak dan keperibadian teknikal. Pelajar bukan hanya diminta menyiapkan tugas, tetapi menilai semula cara mereka bertindak, tahap tanggungjawab, dan kesannya terhadap diri, orang lain dan amanah ilmu.

Elemen seperti *bertanggungjawab, kecekapan pengurusan sumber* dan *hubungan dengan Tuhan* membuktikan bahawa paradigma tauhid telah mencapai matlamat akhir pembelajaran iaitu pembentukan insan beradab yang tidak hanya mahir mengendalikan mesin, tetapi sedar bahawa setiap tindakan adalah ibadah dan amanah (Wan Daud, 2013). Dalam konteks TVET, hal ini sangat signifikan kerana pelajar yang melanggar nilai bukan sekadar melakukan kesalahan teknikal, tetapi berpotensi menyebabkan kemudaratan fizikal yang besar (Che Hassan, 2017).

## 5.4 Kesimpulan

Berdasarkan analisis komprehensif terhadap min keseluruhan bagi ketiga-tiga fasa pengajaran amali, dapatan ini memperlihatkan satu pola perkembangan yang konsisten dan signifikan, seperti dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Pola perkembangan penerapan paradigma tauhid dalam pengajaran amali

| Fasa Pengajaran | Min Keseluruhan | Tahap Penerapan                              |
|-----------------|-----------------|----------------------------------------------|
| Sebelum         | 4.57–4.65       | Pembinaan kesedaran dan niat                 |
| Semasa          | 4.79–4.81       | Pengamalan nilai dalam tindakan              |
| Selepas         | 4.83–4.87       | Refleksi, penyempurnaan sikap, dan pemaknaan |

Pola ini menunjukkan bahawa penerapan paradigma tauhid dalam pengajaran amali tidak berkembang secara linear, sebaliknya mengukuh secara kumulatif dan progresif. Hal ini seiring dengan prinsip pendidikan tauhid yang menekankan bahawa iman, ilmu dan amal saling mengukuhkan antara satu sama lain dalam membentuk tingkah laku dan kesedaran insan (Hashim, 2016).

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa paradigma tauhid berfungsi sebagai tunjang epistemik TVET, bukan sekadar elemen moral sampingan, penguasaan kemahiran teknikal tidak terpisah daripada adab dan akhlak, justeru TVET yang berasaskan tauhid membina kompetensi dan integriti secara seimbang, nilai tauhid memberi makna kepada amali, menjadikan tindakan teknikal bukan hanya mekanistik, tetapi berorientasikan tanggungjawab dan kesedaran spiritual dan penerapan nilai dalam tiga fasa menunjukkan kitaran pembentukan karakter, di mana niat → tindakan → refleksi menghasilkan pembelajaran yang berimpak tinggi dan lestari. Kajian ini secara jelas menyumbang kepada pengukuhan literatur bahawa

paradigma tauhid mampu memperkuat kurikulum TVET ke arah melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berakhlak mulia.

## Penghargaan

Terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Pejabat Penerbit UTHM melalui Dana Penerbitan E15216.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Sumbangan Penulis

*Penulis mengesahkan tanggungjawab tunggal untuk perkara berikut: konsepsi dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan interpretasi hasil, serta penyediaan manuskrip.*

## Rujukan

- Abd Manaf, A. R., Othman, S. Z., Wan Mohd Noor, W. S., Mohd Isa, M. F., & Yahya, K. K. (2016). Belia dan Pembangunan Negara: Isu dan Cabaran Institusi pendidikan Dan Latihan Kemahiran. *Journal on Leadership and Policy*, 1, 21–38.
- Abd Mutalib, M. G. F., & Anas, N. (2020). [The Rehalibition of Adolescent Morals Through a Tahfiz Approach In Malaysia: A Review] Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz Di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 134–140. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.2.489>
- Abdul Aziz, S. F., Jamaludin, M., & Mohd Idrus, I. (2016). *Penerapan Amalan keselamatan penggunaan Bengkel Dapur Dikalangan Pelajar Jurusan Hospitaliti*.
- Abdussalam, A. (2011). Paradigma Tauhid: Kajian Paradigma Alternatif Dalam Ppengembangan Ilmu dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Agama Islam -Ta'lim*, Vol. 9(No. 2), 113–126.
- Ahmad Samad, N. I., & Che Ishak, A. (2022). *Pengetahuan Dan Amalan Keselamatan Dalam Kalangan Pelajar di Bengkel Jabatan kejuteraan elektrik Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah(PTSB)*.
- Aisyah, S. E. (2020). *Konsep Pendidikan Keimanan Kepada Rasul Dalam Kitab Jauharah Al-Tauhid Menurut Syekh Ibrahim Al-Laqqani*.
- Alamineh, H. G. (2022). A Comparative Study on Influencing Factors of University and Technical and Vocational Education and Training (TVET) Graduate Students Intentions Toward Entrepreneurship: Evidence from Addis Ababa City, Ethiopia. *Journal of Global Entrepreneurship Research*. <https://doi.org/10.1007/s40497-022-00310-8>
- Am, K. (2004). Konsep Ilmu Dengan Paradigma Tauhid. *Al Qalam*, 21(102), 359–374.
- Aslan. (2019). Sejarah Perjalanan Kurikulum Pendidikan Islam Di Malaysia. *Ta'limuna*, 8(1).
- Awang, M. M., Ahmad, A. R., Hussin, M. N., Edros, M. E., Noordin, N., & A Rahman, N. (2018). *Transformasi Dan Pembangunan Pendidikan Di Malaysia*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Guru Besar Negeri Selangor dan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/329466142>
- Awang, M. M., Hamid, N. H., & Ahmad, A. R. (2020). Educational Development & Innovative technological Applications For Improving Societal Wellbeing. *International Conference on Education, Technology & Humanities 2020*. <https://www.researchgate.net/publication/344594442>

- Aziz, E. A. (2020). Toleransi Berprinsip Menurut Kerangka Maqasid Shari'ah Dalam Interaksi Masyarakat Pelbagai Kaum Dan Agama Di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 2682-8251. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg>
- Budiyono, R. (2021). *Anteseden Budaya Tauwheed Dalam Membangun Keunggulan Bersaing Berkelanjutan Perguruan Tinggi Swasta Di Jawa Tengah*. Universitas Islam Sultan Agung Semarang 2021.
- Carlisle, J. B., & Loadman, J. A. (2017). Evidence for non-random sampling in randomised, controlled trials by Yuhji Saitoh. *Anaesthesia*, 72(1), 17-27. <https://doi.org/10.1111/anae.13650>
- Che Hassan, N. H., Ismail, A. R., Makhtar, N. K., Sulaiman, M. A., Subki, N. S., & Hamzah, N. A. (2017). *Safety And Health Practice Among School laboratory Staff in Kelantan*.
- Din Nugraha, H., Vesitara Kencanasari, R. A., & Nuril Komari, R. (2020). Employability Skills in Technical Vocational Education and Training (TVET). *Innovation Of Vocational Technology Education*, 1-10. <http://ejournal.upi.edu/index.php/invotec>
- Dzulkifli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *JQSS-37*
- Fattah, W. A., Ismail, W., Mutalib, L. A., Salida, N., Saleh, S. N., Syukran Baharuddin, A., Mamat, Z., Noorul, S., Syed Husin, M., Aniq, M., Alias, A., Syazwani, N., & Kahar, A. (2022). *Issue Of Moral Degradation Among Muslim Adolescents In Malaysia: Issues, Challenges And Suggested Solutions Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian*. 26(2). <http://al-qanatir.com>
- Fauzi, I., Mardiana, D., Ramadhani, A. S., & Safutri, R. M. (2022). Pelatihan Implementasi Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Dayak Ngaju Di Sekolah Dasar. *Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 6(1). <http://ejurnal.ikipgribojonegoro.ac.id/index.php/J-ABDIPAMAS>
- Fitriansyah, N., & Tsurayya, R. V. (2020). Tauhidic Paradigm Sebagai Basis Dalam Mewujudkan Umat Beragama Yang Toleran Dan Moderat. *Al-Mada: Jurnal Agama, Sosial, Dan Budaya*, 3(1), 50-63. <https://doi.org/10.31538/almada.v3i1.480>
- Gregory K Han, C., Amatan, M. A. Bin, & Lai, E. (2022). Pelaksanaan Amali dengan Minat Terhadap Pembelajaran Sains di Sekolah Kurang Murid Daerah Kota Belud, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001668. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1668>
- Harahap, S. M. (2015). Paradigma Tauhidi Murtadha Muthahhari. *Studi Multidisipliner*, 2(2).
- Hasril Amiruddin, M., Atiqah Ngadiran, I., Liyana Zainudin, F., Ngadiman, N., Pendidikan Kejuruteraan, J., & Pendidikan Teknikal dan Vokasional, F. (2016). *Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institut*
- Hatim, A. S. A., Sahad, M. N., & Rasit, R. M. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni Dalam Aktiviti Dakwah Kesenian Di SMKA Negeri Kedah Student's Perception Towards Formation of Morals (Akhlaq) by Inculcating Noble Values in the Art Da'wah Activity in SMKA of Kedah Article history. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 07(1), 1-16. <http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran>
- Jasmi, K. A., Hassan, A. M., & Hassan, W. (2022). Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan. *International Journal of Engineering and Technology*. <https://www.researchgate.net/publication/359453431>
- Juhri, M. A. (2020). Paradigma Tauhid Sebagai Basis Mewujudkan Moderasi Islam Di Indonesia. *Jurnal Ilmiah*

*Mahasiswa Raushan Fikr*, 9(2). <http://ejournal.iainpurwokerto.ac.id/index.php/raushanfikr>

- Kamarudin, N., Halim, L., Osman, K., Subahan, T., & Abstrak, M. M. (2009). Pengurusan Penglibatan Pelajar dalam Amali Sains (Management of Students' Involvement in Science Practical Work). In *Jurnal Pendidikan Malaysia* (Vol. 34, Issue 1).
- Kasran, M. H. M. (2021). Kerangka Akidah dalam Kurikulum Pendidikan Rendah di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(12). <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0903-01>
- Kawangit, R. M., Guleng, M. P., & Usman, A. H. (2019). Response of muslim minority towards the implementation of arabic language and islamic value education program in public schools in the philippines. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(4), 572–579. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7477>
- Khalid, H. M., Hasan, A., Sulaiman, A., Ahmad, S., & Jalal, H. A. (2021). Tawhidic Paradigm Index as a Measuring Tool of Tawhidic Practice: A Research in Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances In Humanitis and Contemporary Studies*, 2(2), 168–177. <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.02.017>
- Khalil, A. B. A., Othman, M. K. B. H., & Saidon, M. K. (2022). Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *SLĀMIYYĀT 42(Isu Khas)*, 13(20). <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-42IK-02>
- Lubis, I., Lubis, M. A., Taib, S. H., Khairuddin, Nor, M. Y. M., Ismail, A., Rahman, A., & Abdullah, W. A. A. W. (2021). Dasar Falsafah Dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Pengalaman Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 2600–2769.
- Mohammad, W. M. W., & Teh, K. S. M. (2019). Pembelajaran Abad ke-21 dalam Al-Quran: Satu Manual Pendidikan Istimewa daripada Allah. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 2(1). [www.jerisjournal.com](http://www.jerisjournal.com)
- Mohd Nor, M. R., & Wan Othman, W. M. T. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib*, 6(1).
- Mohd Yusoff, Z., Ahmad, N., Abdul Rahman, N. N., Hamzah, N., & Ali, N. A. (2018). *Ke Arah Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia*.
- Mokhtar, S., Ramlie, H. @ A., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022). Analysis Of Equations And Differences In Communication Principles In The Qur'an And Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(45), 152–165. <https://doi.org/10.35631/ijepc.745012>
- Muzaqi, S. (2017). *Tauhid Sebagai paradigma Dalam Pendidikan Islam*. 1(1). <https://doi.org/https://doi.org/10.31090/paudmotoric.v1i1.548>
- Panth, B., & Maclean, R. (2020). *Anticipating and Preparing for Emerging Skills and Jobs* (Vol. 55). <https://doi.org/https://doi.org/10.1007/978-981-15-7018-6>
- Permatasari, G., Setiadi, G., & Arifin. (2017). Hubungan Pengetahuan, Sikap Dan Kenyamanan Pekerja Dengan Pemakaian Alat Pelindung Diri (APD) Di Bengkel Las Listrik Kecamatan Amuntai Tengah Kabupaten HSU Tahun 2016. *Jurnal Kesehatan Lingkungan*, 14(1).
- Rahman, H., & Suryati, N. (2018). Authentic Texts Used by EFL Vocational Teachers in Listening Classes: Are They Suitable with Learners' Needs? *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, Dan ...*, 2013, 566–574. <http://journal.um.ac.id/index.php/jptpp/article/view/10994>

- Rajadurai, J., Sapuan, N. M., Daud, S., & Abidin, N. (2018). The Marketability of Technical Graduates from Higher Educational Institutions (HEIs) Offering Technical and Vocational Education and Training (TVET): A Case from Malaysia. *Asia-Pacific Education Researcher*, 27(2), 137–144. <https://doi.org/10.1007/s40299-018-0372-7>
- Rijal, S. (2014). Epistemologi Tauhid Ismail R. Al-Faruq. *Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 38(1).
- Rohmah, N., Tinggi, S., Tarbiyah, I., Sina, I., & Malang, K. (2016). STRATEGI PIMPINAN DALAM PENINGKATANBUDAYA KERJA DI PERGURUAN TINGGI. In *Jurnal MPI* (Vol. 1, Issue 2).
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1). <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.7>
- Sahaludin, A., & Kurniawan, I. (2020). Paradigma Transdisiplineritas dalam Pendidikan Islam. In *Jurnal Literasi Pendidikan Nusantara* (Vol. 1, Issue 2). <http://jurnal.uinbanten.ac.id/index.php/jlpn>
- Said, colle. (2016). Paradigma Pendidikan Dalam Perspektif Surah Al-Alaq Ayat 1-5. *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, 13(1), 91–117.
- Salleh, A. M. (2019). *Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli Dalam Pendidikan Kaunseling* (Vol. 1).
- Salleh, K. M., Sulaiman, L., Mohamad, M. M., & Sern, L. C. (2017). *Assessing soft skills components in science and technology programs within Malaysian Technical Universities*. <http://www.sjst.psu.ac.th>
- Sallehudin, N. F. (2013). *Kesedaran Terhadap Amalan Keselamatan Dalam Kalangan Pelajar di Makmal Kejuruteraan UTHM*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Sapie, S., Sulaiman, S. H., Ishak, M. F., Abidin, S. Z., Lip, S. M., & Tarimin, M. (2018). *Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)*.
- Saqeb, G. N. (2000). Some Reflections on Islamization of Education Since 1977 Makkah Conference: Accomplishments, Failures and Tasks Ahead. In *Intellectual Discourse* (Vol. 8, Issue 1).
- Sassi, K. (2020). Prinsip-prinsip Epistemologi Pendidikan Islam Paradigma Tauhid Naquib al-Attas. *Millah*, 20(1), 135–172. <https://doi.org/10.20885/millah.vol20.iss1.art6>
- Saumantri, T., & Cirebon, I. S. N. (2019). Wacana Integrasi Ilmu Dalam Pandangan Al-Ghozali. *Jurnal Yaqzhan : Analisis Filsafat, Agama Dan Kemanusiaan*, Vol 5(No 2).
- Senin, A., & Abdullah, R. (2018). Pendidikan Nilai Dalam konteks Falsafah Pendidikan Negara: Refleksi Pelaksanaan Di Sekolah-Sekolah Malaysia. *Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai 2018*.
- Setiawan, A. (2017). Identification of green skills acquisition in Indonesian TVET curricula. *AIP Conference Proceedings*, 1887. <https://doi.org/10.1063/1.5003557>
- Shi, Y., & Bangpan, M. (2022). Young people's participation experiences of technical and vocational education and training interventions in low- and middle-income countries: a systematic review of qualitative evidence. *Empirical Research in Vocational Education and Training*, 14(1). <https://doi.org/10.1186/s40461-022-00136-4>
- Shuhaibun, A. (2019). *Pengaruh Gaya Kepimpinanpengetuadalam Budaya Kerja Guru Di Smka Maahad, Muar Johor*.

- Tamuri, A. H. (2021). Pendidikan Berteraskan Ulul Albab Dalam Membangun Generasi Muslim Yang Cemerlang, Berpengetahuan dan Berakhlak. *Islamic Heritage: Strengthening The Knowledge, Empowering The Achievement*.
- Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2017). Penerapan Tauhidik Dalam Penyelidikan Akademik. *Persidangan Antarabangsa 4thInternational Research Management & Innovation Conference*. <https://www.researchgate.net/publication/320862191>
- Tamuri, A. H., & Ismail, A. M. (2021). Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysiasmah. *E-Journal Penyelidikan Dan Inovasi*, 8(1).
- Tuan Abdullah, T. A. K., & Hashim, M. N. (2014). Pembelajaran Berasaskan Proses Pekerjaan (WPBL) DI Kolej Vokasional Malaysia. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014*, 25–26.
- Wahab, M. H. A., & Razali, W. M. F. A. W. (2021). Konsep Agama, Islam, Ilmu Dan Akhlak Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 33(2).
- Wazir, R., Usman, A. H., Salleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Jurnal Al-Irsyad*, 5(2).
- Yağci, A., & Çevik, M. (2019). Prediction of academic achievements of vocational and technical high school (VTS) students in science courses through artificial neural networks (comparison of Turkey and Malaysia). *Education and Information Technologies*, 24(5), 2741–2761. <https://doi.org/10.1007/s10639-019-09885-4>
- Yahaya, A., & Pang, C. S. (2010). *Kaedah Pengajaran Guru dalam Penggunaan Alatan Tangan*.
- Yumnah, S., Tinggi, S., Islam, A., & Bangil, P. (2020). Konsep Pendidikan Tauhid Perspektif Harun Yahya Dan Implikasinya Terhadap Pembinaan Keimanan. In *Jurnal Al-Makrifat* (Vol. 5, Issue 1).
- Zainuddin, W. F. W., & Salleh, S. (2022). Pengaruh Persekitaran Keluarga Terhadap Pembentukan Nilai Moral Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *International Journal of Education*, 7(47), 552–562. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.747044>
- Zakari, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>
- Zakaria, N. A., Sulaiman, W. I. W., & Mahbob, M. H. (2015). Hubungan Tingkahlaku Kepemimpinan Dengan Budaya Kerja 5s Dalam Sektor Awam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(1).
- Zuhdi Ismail, M., Mahpol, S., & Baharim Mayidin, M. (2022). Aspek Tauhid Dalam Ilmu Nahu menurut Al-Qushayri. *JURNAL ISLAM DAN MASYARAKAT KONTEMPORAR*, 23(2), 259–272. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.323>